

01/02/2003

Kedaulatan sebenarnya pemikiran putar alam Singapura

DALAM mengulangi pendiriannya terhadap pertikaian air dengan Kuala Lumpur, Singapura semalam dengan lantang menyatakan isu sebenar bukanlah berkaitan

wang. Dr Tan Lian Choo, setiausaha akhbar Menteri Luar, S Jayakumar, dipetik laman web The Straits Times Interactive (dikemaskinikan pada jam 5.50 petang waktu Singapura) sebagai sekali lagi mengaitkannya dengan soal

kedaulatan. Sambil bertegas bahawa jika Malaysia secara unilateral menaikkan kadar harga air, sekali gus mengingkari keluhuran kedua-dua perjanjian air yang termeterai, ia juga akan melanggar Perjanjian Pemisahan. Dalam lain perkataan, Malaysia akan menjejaskan kewujudan Singapura sebagai sebuah negara berdaulat. Dr Tan menyudahinya dengan satu

persoalan: Jika anda boleh mengingkari satu bahagian daripada Perjanjian Pemisahan, di manakah kesudahannya nanti?

Andainya disorot, kenyataan terbaru Singapura ini tidak pun berbeza daripada hujah Jayakumar ketika sidang tergepar Parlimen Singapura, Sabtu

lalu. Sebagai perbandingan atau lebih tepat lagi bermaksud sebagai ulangan, Jayakumar ketika itu berhujah bahawa isu terpenting bukanlah jumlah yang akan dibayar tetapi bagaimana semakan harga air akan diputuskan. Beliau menambah, kadar harga tidak boleh disemak mengikut kehendak atau tuntutan Malaysia saja. Inilah yang dimengertikan oleh Singapura sebagai tindakan unilateral Malaysia. Bagaimana republik itu boleh membuat rumusan sedemikian, barangkali hanya mereka yang tahu. Bagaimanapun, dengan mengambil kira Singapura boleh sewenang-wenangnya mengubah tafsiran isu harga bekalan air kepada isu kedaulatan, dengan memberi gambaran menakutkan kononnya kedaulatan mereka akan terhapus, tiada halangan untuk mereka mengada-adakan apa saja.

Soal kedaulatan tidak pun berkaitan. Tidak pernah Malaysia, sama ada melalui kenyataan atau tindak-tanduknya, menimbulkan sebarang ancaman untuk meragut kemerdekaan Singapura. Hanya Singapura yang memutarbelitkannya sebagai bermaksud seolah-olah: 'Kalau anda enggan bersetuju dengan semakan harga air, maka anda akan menjadi sebahagian wilayah Malaysia semula'. Sama seperti Malaysia mahukan supaya rundingan soal air diasingkan daripada pakej dua hala yang lain, tujuannya ialah supaya ia tidak mengheret kesemuanya sekali dalam satu kebuntuan yang berpanjangan. Anehnya Singapura memilih untuk melihatnya secara berbeza. Perjanjian air terus dihubungkan oleh republik itu dengan soal kedaulatan sedangkan sebagaimana dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad, kelmarin, isu kedaulatan itu hanyalah rekaan Jayakumar semata-mata.

Kalaulah benar wang bukan persoalan pokok dalam meleraikan kekusutan seperti yang ingin dibanggakan sangat oleh Singapura, maka republik itu tidak harus terus berselindung di sebalik pelbagai muslihat dan tafsiran.

Selama ini pun, Malaysia tidak pernah menyatakan ia akan menaikkan kadar harga air secara bersendirian, sebaliknya sentiasa mengajak Singapura ke meja rundingan. Malangnya, apabila delegasi Singapura mengamalkan minda tertutup tanpa mahu sedikit pun bertolak-ansur, Malaysia pula yang dituduh

mahu bertindak secara unilateral. Begitu juga segala tafsirannya terhadap

pelbagai isu lain yang membabitkan kedua-dua negara sebenarnya menyerlahkan pemikiran `putar alam' demi memastikan ia saja yang untung sambil membiarkan orang lain menanggung kerugian.

Kedaulatan yang ingin dikaitkan Singapura dalam isu air ini boleh disimpulkan sebagai keengganannya untuk bersetuju terhadap sebarang semakan harga. Bukan saja Singapura mahukan kadar harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dikekalkan sehingga kedua-dua perjanjian luput pada 2011 dan 2061, malah seboleh-bolehnya dilanjutkan selama mana yang republik itu perlukan. Tanpa boleh dipertikaikan, `kedaulatan' mengikut peristilahan Singapura boleh diterjemahkan sebagai `keangkuhan' mengikut kefahaman Malaysia. Perdebatan mengenai isu air ini boleh berlanjutan dan

berlengahan tanpa sebarang semakan harga sehingga 2011 dan 2061 sebagaimana disengajakan Singapura. Pada mereka, kedaulatan Malaysia tidak pun bermakna apa-apa.